

UMS sasar jadi pusat akademik, penyelidikan global

DE 27.09.2012 7

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) menyasarkan untuk muncul sebagai pusat global dalam bidang akademik dan penyelidikan.

Naib Canselornya Prof Dr Mohd Harun Abdullah berkata misi itu seiring dengan pembangunan negara dan permintaan pasaran sekarang.

Sehubungan itu, Persidangan Psikologi Asia Tenggara yang diadakan ini adalah kena pada masanya kerana dapat membuka peluang kerjasama antara UMS menerusi Pusat Pengajian Psikologi dan Kerja Sosial, terutama dengan ilmuan antarabangsa dari segi penyelidikan dalam bidang psikologi, katanya berucap merasmikan persidangan itu, di sini, Rabu.

Mohd Harun berkata sebagai satu-satunya Pusat Pengajian Psikologi di Malaysia, fakulti itu menghadapi cabaran untuk membabitkan diri dalam pembangunan komuniti.

“Saya percaya dalam meneliti tingkah laku manusia, adalah amat penting untuk menumpukan kepada aspek amali dan bukan teori semata-mata.

“Menerusi pembabitan ini, saya percaya pusat pengajian ini akan dapat membantu meningkatkan kesejahteraan psikologi komuniti,” katanya menambah berdasarkan penyelidikan terkini yang dijalankan pusat pengajian itu, 49.8 peratus responden di sekolah menengah mengalami masalah mental yang ringan.—Bernama